



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

GERBANG TORANA TANDA PERSAHABATAN MALAYSIA INDIA

KUALA LUMPUR, 23 November 2015 – YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama TYT Shri Narendra Modi, Perdana Menteri India menghadiri Majlis Perasmian Gerbang Torana di Brickfields Kuala Lumpur pada hari ini.

2. Gerbang Torana ini merupakan ‘Hadiah’ daripada Kerajaan India kepada Kerajaan Malaysia sebagai simbol persahabatan yang kukuh di antara kedua-dua negara. Pembinaan gerbang ini telah diumumkan semasa lawatan bekas Perdana Menteri India, TYT Dr. Manmohan Singh pada Oktober 2010. Keseluruhan kos pembinaan gerbang ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan India termasuk kos-kos pelantikan perunding dan kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja pembinaan gerbang tersebut. Tetuan MRCB Engineering Sdn. Bhd. telah memulakan kerja pembinaan Gerbang Torana pada 20 Ogos 2015 dan siap sepenuhnya sebelum 23 November 2015.

3. Tetuan Aksaya Jain & Associates yang dilantik oleh Kerajaan India telah bertanggungjawab menyediakan rekabentuk Gerbang Torana di Brickfields, Kuala Lumpur yang hampir sama dengan rekabentuk “Great Stupa” di Sanchi, India. Gerbang Torana ini mempunyai struktur ketinggian hampir 10 meter dengan kelebaran 7.3 meter. Struktur utama Gerbang Torana ini ditutupi dengan blok-blok ukiran *sandstone* yang dibuat sepenuhnya di India dan dihantar ke Malaysia secara blok-blok mengikut saiz struktur tiang gerbang tersebut. Sebahagian besar ukiran pada blok-blok berkenaan mempamerkan perhiasan yang bercorak bunga-bungaan dan geometri. Manakala selebihnya mempamerkan motif-motif yang berbentuk binatang. Selain daripada ukiran *sandstone*, pembinaan gerbang ini menggunakan juga kepingan *granite*, bollard ukiran *solid stone* serta *stone carved low fence wall*.

4. Lokasi pembinaan Gerbang Torana di Little India, Brickfields, Kuala Lumpur dilihat sesuai kerana Brickfields merupakan kawasan penempatan komuniti India yang paling tertua di negara ini. Pembinaan gerbang ini akan menambahkan lagi struktur monumen yang kaya dengan ciri-ciri kebudayaan dan keagamaan masyarakat India yang boleh menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.
5. Kedudukan Gerbang Torana yang berada di dalam “pulau” memberikan peluang kepada para pengunjung untuk melihat Gerbang Torana dengan lebih dekat terutama ukiran-ukiran di dindingnya yang halus dan unik. Gerbang Torana dibina di kawasan tersebut yang menjadi laluan utama ke Little India serta merupakan kawasan tumpuan orang ramai terutama pejalan kaki. Gerbang Torana ini juga berhampiran dengan kolam air pancut yang merupakan salah satu simbol dan *centre of attraction* di Little India. Kewujudan Gerbang Torana akan menjadi *trademark* kepada kawasan Little India untuk dikenali di seluruh dunia.
6. Melalui jalinan kerjasama antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan India ini akan memberikan kelebihan kepada kedua-dua pihak dalam menguatkan hubungan persahabatan. Ini secara langsung dapat meningkatkan perkembangan ekonomi, kestabilan serantau, perkongsian maklumat serta berbagai lagi faedah yang diperolehi hasil daripada hubungan ini. Gerbang Torana ini bukan sahaja simbolik kepada nilai persahabatan dua negara tetapi merupakan lambang perpaduan dan kesefahaman dalam suasana kepelbagaian etnik yang merupakan tunjang utama kekuatan negara.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
23 November 2015**